

2. Autonomi vs Malu dan Keraguan

Perolehan perasaan kepercayaan menyediakan medan perjuangan untuk memperolehi tahap autonomi dan pengawalan diri tertentu dan mengelakkan dari berasa malu, ragu-ragu dan penyindiran. Mengikut Erikson, melalui interaksi dengan ibu bapa semasa latihan pergi ke tandas. Kanak-kanak mendapat terdapat perbezaan antara menganggap sebagai suatu bentuk kasih sayang atau menganggap sebagai bentuk sekatan yang membinasa.

Pada peringkat ini, menjadi muktamad untuk nisbah antara cara muhibah dan mengikut cara sendiri. Perasaan pengawalan berlebihan dan kehilangan pengawalan boleh membangkitkan kecenderungan keraguan dan malu yang berpanjang. Sebelum peringkat ini, kanak-kanak hampir bergantung sepenuhnya pada orang lain untuk mendapat prihatin. Walaubagaimanapun apabila mereka pantas memperolehi kematangan neuromussular, bahasa dan diskriminasi sosial, mereka pula menjelajahi dan berinteraksi dengan persekitaran mereka secara berdikari. Pada keadaan tertentu, mereka berasa bangga dalam penemuan baru kemahiran lokomotor dan ingin melakukan sendirinya semua perkara (seperti mandi,pakai baju,menyuap dan sebagainya).Di sini, terdapatnya keinginan yang kuat untuk menjelajahi, memiliki dan memanipulasi perkaitan sikap terhadap ibu bapa dengan “ biar saya lakukan” dan “ saya adalah apa yang saya inginkan”. Pada pandangan Erikson, kepuasan memenuhi krisis psikososial pada peringkat ini bergantung terutamanya pada kerelaan ibu bapa beransur-ansur memberi kebebasan kanak-kanak untuk mengawal aktiviti yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Pada masa yang sama, Erikson menegaskan bahawa ibu bapa mesti mengekalkan had yang munasabah dan tegas pada keadaan kehidupan kanak-kanak yang mungkin atau akan merosakkan mereka atau membinasa orang lain. Autonomi tidak bermakna memberi kanak-kanak kebebasan yang tidak terbatas. Ia lebih bermakna ibu bapa mesti mengekalkan tahap kebebasan sepanjang keupayaan pertumbuhan kanak-kanak untuk mengendalikan pilihan.

Erikson menganggap pengalaman malu kanak-kanak sebagai sesuatu yang menghala ke dalaman kerana kanak-kanak tidak dibenarkan untuk menggunakan

autonomi dan pengawalan diri. Munculnya rasa malu jika ibu bapa kurang bersabar dan berkeras membuat untuk kanak-kanak apa yang mereka sebenarnya boleh lakukan sendiri atau sebaliknya jika ibu bapa menjangka kanak-kanak membuat sendirinya sesuatu yang pada hal kurang mampu mereka lakukan. Pastinya setiap ibu bapa kadang-kadang menolak anak-anak mereka melepas had jangkaan sepatutnya.

Erikson mempercayai bahawa perolehan kestabilan perasaan autonomi bertambah lagi perasaan kepercayaan kanak-kanak. Ini akan mempengaruhi pertumbuhan psikososial masa kelak. Dalam konteks sosial, autonomi adalah institusi perundungan dan peraturan yang dalam dan kekal terhadap kehakiman dan menghormati pada hak dan keistimewaan orang lain jika anak mereka adalah disediakan untuk menerima autonomi terhad semasa dewasa.